

SOALAN NO: 69

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD
RAHMAN [TANJONG MANIS]**

TARIKH : 31 MAC 2014

SOALAN :

YB Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [Tanjong Manis] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan memandangkan kebakaran besar yang berlaku di Hospital Umum Sarawak baru-baru ini dan kejadian ini merupakan kejadian kebakaran kali ke-2, adakah Kementerian akan bertindak dengan segera untuk membina sebuah Hospital Umum yang baru memandangkan hospital yang sedia ada amat tua dan uzur.

Tuan Yang di-Pertua,

Kebakaran yang berlaku baru-baru ini adalah di tapak projek iaitu pembinaan blok Pusat Penyelidikan Klinikal yang terletak berdekatan dengan Jabatan Kecemasan dan Trauma. Laporan awal menunjukkan punca kebakaran adalah dari kecuaian pekerja kontraktor, bukannya disebabkan oleh usia hospital yang lama.

Untuk makluman, kebakaran kali pertama adalah disebabkan kejadian *short-circuit* pada *high-tension cable* yang membekalkan mesin MRI di Jabatan Radiologi hospital ini.

Buat masa ini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) tidak ada perancangan untuk mengganti Hospital Umum Sarawak (HUS) tetapi akan terus melaksanakan penambahbaikan selaras dengan perancangan Pelan Induk bagi menampung keperluan penduduk tempatan dan juga sebagai pusat rujukan perkhidmatan sub-kepakaran kepada rakyat negeri Sarawak secara amnya. Pelan Induk Pembangunan Semula hospital berkenaan telah bermula sejak tahun 1990. Projek pembangunan ini dilaksanakan secara berfasa bagi mengelakkan perkhidmatan kepada pesakit terjejas. Sejak tahun 1990 hingga sekarang, berbagai projek telah dilaksanakan seperti berikut:-

1. Blok ICU/Dewan Bedah/Kecemasan telah dibina pada tahun 2000;
2. Blok Dapur/ Sajian siap pada tahun 2004;
3. Blok Menara/ Induk telah siap dinaiktaraf pada tahun 2009;
4. Bangunan-bangunan Forensik dan Wad Psikiatri/ Daycare baru siap pada tahun 2013; dan
5. Projek tempat letak kereta bertingkat untuk staf dan orang awam serta juga Blok Daycare dan Makmal/Patologi, projek ini telah dilaksanakan dan sedang dalam proses memuktamadkan rekabentuk.

Pada Januari 2011, perkhidmatan rawatan jantung telah berpindah ke Pusat Jantung, Hospital Umum Sarawak (HUS) di Kota Samarahan untuk keperluan rakyat Sarawak (perkhidmatan tertiari).

Selain daripada membangunkan semula Hospital Umum Sarawak sedia ada, KKM juga sedang membina sebuah hospital baru dengan kapasiti 300 katil di Petra Jaya, Kuching dan dijangka akan beroperasi pada awal tahun 2017 untuk keperluan rakyat setempat dan Sarawak. Ini bagi mengurangkan tumpuan untuk mendapatkan rawatan di HUS, seterusnya mengurangkan kesesakan di hospital tersebut.

Keperluan seterusnya terhadap kemudahan hospital di kawasan Kuching khususnya dan negeri Sarawak akan dikaji berdasarkan perancangan keperluan perkhidmatan keseluruhan serta unjuran pertambahan penduduk negeri Sarawak.